

PTPTN rekod deposit Simpan SSPN RM15.28b

SHAH ALAM - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memaklumkan bahawa pihaknya menerima deposit Simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebanyak RM15.28 bilion dengan melibatkan 5.92 juta akaun sehingga 31 Mei lalu.

Pengerusinya, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, sejak skim tersebut diperkenalkan pada tahun 2004, ia sentiasa mendapat sambutan daripada kalangan masyarakat.

Sehubungan itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan kerana turut memberi galakan kepada orang ramai untuk menyertai skim tersebut dengan memberi insentif pelepasan cukai sehingga tahun 2024.

Jelasnya, tindakan itu pasti dapat membantu ibu bapa untuk membuat tabungan pendidikan bagi anak-anak mereka.

"Pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun merupakan insentif yang istimewa kepada pendeposit kerana manfaat tersebut menjadikan Simpan SSPN satu-

satunya produk simpanan yang memberikan kelebihan berbeza berbanding simpanan lain.

"Saya optimis insentif ini akan meningkatkan motivasi serta galakan kepada ibu bapa untuk terus membuat simpanan bagi tujuan pendidikan dan masa depan anak-anak sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman PTPTN," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Pada Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan Simpan SSPN dilanjutkan sehingga tahun 2024.

Dengan pengumuman tersebut, pendeposit Simpan SSPN terus dapat menikmati keistimewaan ini di samping manfaat lain yang disediakan.

Dalam pada itu, Norliza menambah, ibu bapa perlu mengambil peluang membuat simpanan berkenaan.

"Ibu bapa yang ingin membuka atau membuat penambahan simpanan boleh dilakukan secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat," jelasnya.